



# 4

## Jenis surat ikatan hak milik – secara individu atau strata

Surat ikatan hak milik membuktikan anda pemilik sebuah hartanah. Anda akan diberikan hak milik individu bagi rumah bertanah dan hak milik strata bagi kondominium atau apartmen. Anda perlu periksa sama ada terdapat sebarang halangan atau sekatan ke atas hartanah yang hendak dibeli kerana ianya boleh menjejaskan pemindahan hak milik atau penjualan hartanah. Sebaik-baiknya berbincanglah dengan peguam atau dapatkan nasihat daripada pihak yang berpengalaman sebelum anda membayar wang pendahuluan untuk pembelian hartanah

# 5

## Reputasi pemaju

Kebanyakan pemaju mengamalkan pendekatan '*jual dulu bina kemudian*'. Jika anda membeli rumah dalam pembinaan, anda akan mula membayar sebelum rumah anda siap dibina. Oleh itu, anda perlu mengkaji latar belakang pemaju dan rekod prestasi mereka. Selidik projek lampau mereka sama ada mereka menunaikan janji ataupun tidak.

Periksa:

- sama ada projek terdahulu mereka disiapkan mengikut jadual
- kualiti kerja mereka
- semua kemudahan disediakan seperti tertera di dalam brosur

